

PERATURAN DAN ETIKA BERPAKAIAN UNTUK MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)

A. PAKAIAN RASMI GRADUAN LELAKI

- i. Graduan dimestikan memakai kemeja lengan panjang warna putih berserta tali leher JTM (sekiranya tiada, boleh dibeli semasa sesi pendaftaran).
- ii. Seluar *slack* berwarna hitam / gelap
- iii. Bersongkok berwarna hitam (kosong) bagi graduan muslim peringkat sijil sahaja.
- iv. Memakai kasut hitam serta stokin yang bersih dan bersesuaian untuk majlis rasmi.
- v. Jubah dan *Mortarboard* (bagi graduan diploma) disediakan oleh pihak JTM.
- vi. Sila bawa pen berdakwat hitam.

Graduan lelaki **TIDAK** dibenarkan:

- Memakai tali bow (*Bow Tie*).
- Memakai kemeja kasual / berlengan pendek/ baju batik / t-shirt
- Seluar *Jeans* / *Slack* Berwarna Cerah
- Memakai subang telinga dan gelang tangan
- Mewarnakan rambut / fesyen rambut tidak sesuai
- Berambut panjang (memcecah kolar baju)
- Memakai *sandal* atau kasut sukan

B. PAKAIAN RASMI GRADUAN WANITA

- i. Baju kurung / kurung moden / kebaya labuh / sari / kemeja berlengan panjang dan skirt labuh (kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali) **WARNA BEBAS** dan tidak berbelah di kiri kanan atau depan dan belakang.
- ii. Bertudung tanpa corak / tudung kosong dan **WARNA BEBAS** - (Bagi graduan beragama islam)
- iii. Graduan wanita dikehendaki memakai kasut bertutup penuh yang bersesuaian, menutupi dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (*cover shoes*).
- iv. Jubah dan *Mortarboard* (bagi graduan diploma) disediakan oleh pihak JTM.
- v. Sila bawa pen berdakwat hitam.

Graduan perempuan **TIDAK** dibenarkan:

- Memakai pakaian yang tidak berlengan
- Memakai pakaian yang ketat, jarang (nipes) dan mendedahkan
- Seluar *Jeans* / pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan
- Mewarnakan rambut / fesyen rambut tidak sesuai
- Memakai kasut sukan, selipar ataupun *sandal*

****Peringatan :**

- i. Bagi menghormati majlis, para graduan **TIDAK DIBENARKAN KELUAR** dari dewan konvokesyen semasa majlis sedang berlangsung.
- ii. Telefon bimbit hendaklah berada dalam mod senyap (*Silent Mode*) ketika berada dalam dewan konvokesyen.
- iii. Kegagalan graduan mematuhi peraturan etika berpakaian yang ditetapkan ini boleh menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai majlis konvokesyen.

Panduan dan Etika Berpakaian Graduan Ke Majlis Konvokesyen ILJTM

1) Graduan Lelaki

		
Graduan Sijil Muslim	Graduan Diploma Muslim/ Non Muslim	Graduan Sijil Non Muslim

2) Graduan Perempuan

		
Graduan Diploma Muslim	Graduan Diploma Non Muslim	
		
Graduan Sijil Muslim	Graduan Sijil Non Muslim	